

Bil. S 41

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3) dan (5))**

**PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2011/2012) (BIL. 5), 2012**

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 48/11) bertarikh 9 haribulan Ogos, 2011 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuatkuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan mana-mana Perintah sedemikian, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang lima ribu satu ratus tiga puluh juta, tujuh ratus lapan puluh lima ribu, enam ratus ringgit (\$5,130,785,600.00) telah diperuntukkan melalui Akta Perbekalan (2011/2012), 2011 (Akta 1 tahun 2011);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang sembilan belas juta, lima ratus ribu, sembilan ratus dan dua puluh lapan ringgit (\$19,500,928.00) telah diperuntukkan melalui Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 1), 2011 (S 81/11);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua puluh lapan juta, satu ratus lapan belas ribu, enam ratus lima puluh sembilan ringgit dan tujuh puluh enam sen (\$28,118,659.76) telah diperuntukkan melalui Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 2), 2012 (S 2/12);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat juta, dua ratus sembilan puluh satu ribu, satu ratus dua ringgit dan dua puluh sembilan sen (\$4,291,102.29) telah diperuntukkan melalui Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 3), 2012 (S 8/12);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat puluh lapan juta, lapan ratus tiga puluh lapan ribu, dan tujuh ratus empat puluh tiga ringgit (\$48,838,743.00) telah diperuntukkan melalui Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 4), 2012 (S 9/12);

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak tujuh juta, lapan ratus dua puluh tiga ribu, enam ratus dua belas ringgit dan empat puluh dua sen (\$7,823,612.42);

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**Gelaran.**

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 5), 2012.

**Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2011/2012, peruntukan dan penggantian jumlah wang yang dipinjamkan dari Kumpulanwang Luarjangka.**

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi tujuh juta, lapan ratus dua puluh tiga ribu, enam ratus dua belas ringgit dan empat puluh dua sen (\$7,823,612.42) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2011/2012, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2011/2012), 2011 (Akta 1 tahun 2011), Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 1), 2011 (S 81/11), Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 2), 2012 (S 2/12), Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 3), 2012 (S 8/12) dan Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 4), 2012 (S 9/12) adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

(3) Penggantian jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang ketiga bagi jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang keempat dari Jadual ialah jumlah-jumlah wang yang dipinjamkan dari Kumpulanwang Luarjangka yang diwujudkan oleh bab 10(1) dari Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan) adalah dengan ini dibenarkan.

## JADUAL

| [1]<br>Tajuk                                  | [2]<br>Gelaran                             | [3]<br>Jumlah Yang<br>Diperuntukkan<br>kepada Tajuk | [4]<br>Penggantian<br>Pendahuluan<br>Dari<br>Kumpulanwang<br>Luarjangka |
|-----------------------------------------------|--------------------------------------------|-----------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------|
| <b>JABATAN PERDANA MENTERI</b>                |                                            |                                                     |                                                                         |
| SA04A                                         | Biro Kawalan Narkotik                      | \$74,023.00                                         | \$74,023.00                                                             |
| SA15A                                         | Unit Petroleum                             | \$52,000.00                                         | \$52,000.00                                                             |
| SA16A                                         | Jabatan Mufti Kerajaan                     | \$182,803.02                                        | \$182,803.02                                                            |
| SA20A                                         | Jabatan Percetakan Kerajaan                | \$1,378,607.00                                      | \$1,378,607.00                                                          |
| <b>KEMENTERIAN KEWANGAN</b>                   |                                            |                                                     |                                                                         |
| SD05A                                         | Perkhidmatan Rampaian                      | \$1,750,000.00                                      | \$1,750,000.00                                                          |
| <b>KEMENTERIAN HAL EHWAL<br/>DALAM NEGERI</b> |                                            |                                                     |                                                                         |
| SE03A                                         | Lembaga Bandaran Kuala Belait<br>dan Seria | \$452,274.00                                        | \$452,274.00                                                            |
| SE08A                                         | Pejabat Daerah Tutong                      | \$174,010.00                                        | \$174,010.00                                                            |
| SE12A                                         | Jabatan Bomba dan<br>Penyelamat            | \$312,345.60                                        | \$312,345.60                                                            |
| <b>KEMENTERIAN KESIHATAN</b>                  |                                            |                                                     |                                                                         |
| SM02A                                         | Jabatan Perkhidmatan<br>Perubatan          | \$425,209.00                                        | \$425,209.00                                                            |
| SM03A                                         | Jabatan Perkhidmatan<br>Kesihatan          | \$354,804.00                                        | \$354,804.00                                                            |
| <b>KEMENTERIAN PERHUBUNGAN</b>                |                                            |                                                     |                                                                         |
| SN01A                                         | Jabatan Kementerian<br>Perhubungan         | \$2,667,536.80                                      | \$2,667,536.80                                                          |
|                                               |                                            | <hr/> \$7,823,612.42                                | <hr/> \$7,823,612.42                                                    |

Diperbuat pada hari ini 27 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1433 bersamaan dengan 19 haribulan April, 2012 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM